



SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

SIARAN AKHBAR COVID-19


NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

19 Ramadhan 1444 / 10 April 2023

1. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan penurunan di mana kadar purata kes COVID-19 dalam masa satu minggu kebelakangan ialah 162 kes sehari, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya iaitu 186 kes sehari. Sebanyak 31,633 keputusan ujian ART telah dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu di mana 3.5% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu

- i) Pada hari ini, **satu kes** di dalam Kategori 5 yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) dan **satu**

kes di dalam Kategori 4 yakni yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

- ii) Sehingga kelmarin, 09 April 2023, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **79.2%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **12.1%** juga telah mendapatkan dos keempat.
- 2. Pada hari ini, sebanyak **209 kes baru** telah dilaporkan iaitu 204 adalah daripada hasil ujian ART dan 5 kes telah dikesan dari ujian-ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.
- 3. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aminn Ya Rabbalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 19 Ramadhan 1444H / 10 April 2023